



Persidangan Antarabangsa 'Smart City'

Tampil panel antarabangsa

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Persidangan Antarabangsa Bandar Pintar (Smart City) yang bakal berlangsung di Selangor pada 6 dan 7 Disember ini menampilkan individu yang bertanggungjawab dalam pembangunan 'Smart City' seluruh dunia.

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS dan Perdagangan serta Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim berkata, persidangan terbabit bakal menjadi salah satu acara terbesar di rantau ini dengan kehadiran wakil antarabangsa itu.

"Wakil antarabangsa itu akan berkongsi pengalaman dalam membangunkan Smart City. Persidangan ini bertujuan menghubungkan semua agensi kerajaan 'stakeholders' dan pemain

industri lain termasuk orang awam, kerajaan, akademik dan sektor swasta.

"Ia diharap menjadi medium bertukar buah fikiran dan memperluaskan rangkaian perniagaan," katanya dalam sidang media, di Bangunan Annexe, di sini, baru-baru ini.

Chang Khim berkata, persidangan itu turut mempamerkan teknologi pembangunan dan kaedah penyelesaian teknologi ke arah 'Smart City', 'Internet Of Things' (IOT) dan 'Big Data Analytics' dari United Kingdom, Malaysia dan negara Asean lain.

"Antara individu yang dijemput adalah arkitek dari Barcelona Elia Hernando; Timbalan Datuk Bandar Taipei, Lin Chin Rong; Datuk Bandar Bandung, Ridwan Kamil dan Ketua Pegawai Eksekutif Cyberview, Faris Yahaya.

"Peserta juga berpeluang menambah pengetahuan daripada pakar internet terkenal seperti IBM, Microsoft dan Huawei," katanya.

Beliau menyasarkan penyertaan 5,000 peserta dalam persidangan yang julung kali diadakan itu dengan dirasmikan Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan bakal berlangsung di Hotel Saujana, Kuala Lumpur.

Penganjuran persidangan antarabangsa bandar pintar 2016 membabitkan kerjasama Kerajaan Negeri, Pengerusi Menteri Besar (MBI), Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) dan Majlis Teknologi Informasi dan E-Dagang Selangor (SITEC).

Untuk info lanjut berhubung persidangan dan tempahan tiket, orang ramai boleh layari www.selangorsmartcity2016.com.

Anak syarikat Kerajaan Negeri dominasi SEBA 2016

SHAH ALAM - Sentiasa kerja keras dan tampil dengan idea baru bagi memastikan mampu menjana pendapatan menjadi faktor kepada pencapaian anak syarikat Kerajaan Negeri hingga mendominasi Selangor Excellence Business Awards 2016 (SEBA 2016).

Pemenang anugerah 'Masterclass Awards' bagi kategori 'CEO of The Year, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Invest Selangor Berhad, Hasan Azhari Idris berkata, anugerah diterimanya itu membuktikan kerja keras berpasukan mampu memberikan hasil terbaik menarik pelabur ke negeri itu.

"Saya fikir ini pengiktirafan kepada seluruh warga kerja Invest Selangor yang bekerja keras sebagai satu pasukan untuk kemajuan Selangor dengan menarik pelaburan. Saya anggap ini sebagai pengiktirafan kepada seluruh pasukan dan Kerajaan Negeri yang banyak menyokong kejayaan Invest Selangor," katanya kepada SelangorKini pada acara berprestij SEBA 2016 di Shah Alam Convention Centre (SACC), di sini, pada 8 November lalu.

Manakala CEO Worldwide Holdings Bhd, Datin Paduka Norazlina Zakaria pula berkata, kejayaan syarikat itu menggondol tiga anugerah berikutan usaha keras dan fokus bagi memastikan mereka berjaya mencapai sasaran ditetapkan.

"Saya sangat terharu atas kejayaan ini. Kami masing-masing diberi sasaran KPI. Jadi, kami bekerja

keras untuk mencapai KPI ditetapkan dan ini menyebabkan kami diberikan anugerah masing-masing," katanya.

World Wide Holdings Bhd memenangi dua anugerah Masterclass bagi kategori 'diversify Conglomerate - GLC' dan kategori tanggungjawab sosial korporat (CSR) serta satu anugerah kecermerlangan bagi kategori alam sekitar.

Manakala CEO PKNS Real Estate Sdn Bhd, Sr Farku Radzi Ab Ghani pula berkata, antara pencapaian terbaik PKNS Real Estate adalah berjaya mewujudkan sumber pendapatan baru dalam bidang pelaburan hartanah.

"Selepas tiga tahun beroperasi PKNS Real Estate dapat mentransformasikan milik PKNS dan mendapat pulangan baik tetapi pada masa sama menjaga kepentingan Kerajaan Negeri dan bumiputera di Selangor," kata yang menerima anugerah Masterclass bagi kategori 'Young CEO Of The Year'.

Tiga lagi anak syarikat Kerajaan Negeri yang turut menerima anugerah adalah Central Spectrum (M) Sdn Bhd yang diwakili CEO, Mahmud Abbas bagi kategori Pembangunan Hartanah, Kelab Golf Seri Selangor diwakili Pengurus Besar, Hairul Zaini (Pengurusan Padang Golf Awam) dan SACC diwakili Pengurus Besar, Nasrudi Abu Bakar (Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran).



Ekonomi negeri lebih bijak berbanding Persekutuan



SHAH ALAM - Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menyokong pembentangan Belanjawan 2017 Selangor yang disifatkan ekonomi bijak dalam memastikan pembangunan negeri dipacu dengan lebih tangkas.

Presidennya, Mohamad Raimi Abdul Rahim (**gambar**) berkata, dapat dilihat dengan jelas dalam perbezaan pembentangan belanjawan di peringkat

pusat dan negeri daripada segi konteks peratus untuk pembangunan juga pengurusan.

"Ia satu tindakan berani dan berhemat daripada Kerajaan Negeri apabila meletakkan 57 peratus peruntukan untuk pembangunan dan ini jauh berbeza dengan peruntukan besar Kerajaan Persekutuan bagi bajet pengurusan.

"Itu adalah satu dasar ekonomi yang bijak untuk kita

memastikan bahawa pembangunan negeri dapat dipacu dengan lebih tangkas dan jelas juga cukai yang diterima Kerajaan Negeri dikeluarkan kembali kepada rakyat," katanya kepada SelangorKini.

Raimi berkata, bagi persatuan belia adalah menjadi perhatian utama memfokuskan kesejahteraan ekonomi belia.

"Dapat dilihat dengan jelas perhatian Kerajaan Perseku-

tuan untuk belia amat lemah terutama dalam konteks pembelian aset seperti perumahan, pinjaman serta aset pengurusan penghapusan hutang.

"Kerajaan Negeri memberi perhatian dengan menyediakan intensif untuk pembelian rumah yang lebih realistik dan praktikal jika dibandingkan dengan projek yang ditawarkan Kerajaan Persekutuan," katanya.